



TERUNTUKMU, WANITA TERBAIK

(30 Nasihat Syaikh DR. Muhammad
Ali Al-Hasyimi Untuk Muslimah)

PENYUSUN:

SYUHARA SURIATI





Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan dagangan tanpa keizinan bertulis daripada penulis atau penerbit. Sebaran naskah ini adalah bertujuan untuk manfaat semua.

@2023 Teratak Hadits

Edisi Pertama
September 2023

Untuk menyumbang



0139086628
Encik Zaim Alias



553104586916
(DDKL SMART TRADING)

Telegram:

<https://t.me/webteratakhadits>

Mukadimah

Segala puji-pujian bagi Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, syukur di atas izin-Nya yang memberikan kesempatan waktu dan peluang untuk menyiapkan e-buku yang seterusnya.

E-buku ini diinspirasikan daripada karya ulama tersohor iaitu, Syaikh Muhammad Ali Al-Hasyimi berjudul ***Syakhshiyyah al-Mar'ah al-Muslimah*** yang dijelmakan dalam edisi terjemahan berjudul ***Keperibadian Seorang Muslimah Dari Al-Quran dan Al-sunnah***, penerbit Jahabersa.

Sebagai penulis, saya telah memilih dan menyusun semula 30 pesanan-pesanan hikmah daripada Syaikh yang saya kira nasihat tersebut sangat diperlukan oleh seluruh wanita Muslimah. Semoga e-buku ini dapat melahirkan wanita-wanita Muslimah yang sejati dan terbaik di akhir zaman ini.

Naseehat 1:

"Tidaklah menghairankan bila wanita Muslimah yang benar-benar beriman kepada Allah akan sentiasa beribadah kepada-Nya, kerana dia tahu bahawa dia diwajibkan melakukan semua kewajipan yang diperintahkan Allah SWT ke atas setiap Muslim, sama ada lelaki atau perempuan. Maka dia melaksanakan kewajipan-kewajipan tersebut dengan benar, tanpa mencari-cari alasan atau kompromi, ataupun berat hati hendak mengerjakannya."

~Halaman 12

Naseehat 2:

"Solat adalah jambatan di antara hamba dan Tuhannya. Ia merupakan sumber terkaya yang daripadanya seseorang itu mendapat kekuatan, mengenai keteguhan, kasih sayang dan kepuasan jiwa, dan ia bermaksud untuk mensucikan dirinya daripada kotoran dan dosa-dosanya."

~Halaman 13

Naseehat 3:

"Islam membenarkan wanita Muslimah mengerjakan solat berjemaah di dalam masjid, tetapi pada masa sama, mereka hanya dibenarkan keluar dari rumah untuk ke masjid dengan syarat mereka berpakaian menutup aurat dan terhindar dari fitnah."

~Halaman 14

Naseehat 4:

"Di masa Ramadhan, Muslimah sejati merasakan bahwa dia berada dalam suasana bulan yang tidak sama dengan bulan-bulan lain, ketika amal kebajikan harus digandakan dan pintu kebaikan dibuka seluas-luasnya. Dia tahu bahawa puasanya di bulan ini hanya untuk Allah, dan Dia pasti akan memberi ganjaran yang besar ke atasnya, kerana pahala berpuasa itu Allah sendiri yang memberinya dan sangat besar dan banyak lebih daripada yang dapat dibayangkan oleh manusia."

~Halaman 34

Naseehat 5:

"Muslimah sejati dan keluarganya haruslah menghidupkan amalan dan budaya Islam di bulan Ramadhan, berusaha muhasabah diri sehingga bila mereka pulang dari mengerjakan solat terawih, terus tidur kerana tidak lama lagi mereka harus bangun untuk solat tahajud dan makan sahur."

~Halaman 36

Naseehat 6:

"Lelaki dan wanita adalah sahabat di sisi Allah dan kedua-dua mereka memberi perhatian penuh ke atas semua perintah dan larangan-Nya. Maka wanita Muslimah melakukan apa yang diperintahkan Allah dan menahan diri dari apa yang dilarangnya, percaya bahawa dia akan disoal ke atas apa yang dilakukan di dunia ini: jika baik amalannya, maka baiklah baginya dan jika buruk amalannya, maka buruklah baginya."

~Halaman 42

Naseehat 7:

"Wanita muslimah memakai pakaian yang betul ketika keluar dari rumahnya. Hijab adalah pakaian wanita Islam yang telah dijelaskan dalam al-Qur'an dan as-Sunnah. Dia tidak akan keluar dari rumah atau muncul di depan lelaki bukan mahram dengan memakai wangi-wangian, mekap atau lain-lain perhiasan, kerana dia tahu bahawa hal itu haram menurut al-Qur'an."

~Halaman 49

Naseehat 8:

"Wanita Muslimah itu memakai hijab atas dasar beriman dengan perintah Allah yang telah diturunkan bertujuan untuk melindungi kaum wanita Islam, agar mereka berbeza dari wanita-wanita kafir, dan memelihara mereka dari terjebak ke dalam perbuatan tidak bermoral dan kotor."

~Halaman 51

Naseehat 9:

"Wanita Muslimah yang taat kepada perintah Tuhannya secara fitrah menerima semua takdir dan ketentuan Ilahi kerana ini merupakan tanda Iman, ketakwaan dan keikhlasan paling tinggi dalam diri seseorang itu. Maka wanita Muslimah yang terbimbing melalui ajaran-ajaran Islam sentiasa menerima apa saja yang menimpa dirinya dalam kehidupan ini, sama ada ianya baik ataupun buruk, kerana sikap penerimaan ini baik untuknya dalam semua perkara sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW,

"Betapa menakjubkan Islam! Semua urusannya adalah baik. Jika dia diberi kesenangan, dia bersyukur dan itu baik. Jika dia diberi kesusahan, dia bersabar, dan itu juga baik untuknya." (Riwayat Muslim).

~Halaman 59

Naseehat 10:

"Wanita Muslimah yang yakin bahawa apa sahaja yang menimpa dalam hidupnya ini tidak akan dapat dielakkan, dan apa saja yang tidak dialaminya dalam hidup ini adalah kerana ditakdirkan demikian."

~Halaman 59

Naseehat 11:

"Wanita Muslimah akan dapati dirinya kadang-kadang leka dan terjerumus dari jalan yang lurus, sehingga menyimpang dari segi amalan yang tidak sesuai bagi wanita yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Tetapi sebaik sahaja di yang menyedari kesalahannya, dia segera memohon ampun dan kembali kepada perlindungan Allah SWT."

~Halaman 60

Naseehat 12:

"Setiap kali berlaku konflik di antara apa yang diredhai Allah dan apa yang disukai oleh orang, maka dia memilih apa yang diredhai Allah tanpa berat hati atau, meskipun tindakannya itu akan menyebabkan orang marah. Dia melakukan hal ini kerana dia tahu, dengan pemahamannya yang mendalam tentang Islam dan atas nalurinya sendiri, bahawa menyukakan hati orang adalah matlamat yang tidak akan dapat dicapai, ia hanya akan mendatangkan kemurkaan Allah."

~Halaman 61

Naseehat 13:

"Amalan ibadah yang utama yang dapat dilakukan oleh wanita Muslimah untuk menegakkan hukum-hukum Allah di muka bumi, dan mengamalkan cara hidup seperti telah digariskan-Nya, supaya Islam menjadi tonggak kehidupan individu, masyarakat dan bangsa."

~Halaman 63

Naseehat 14:

"Hati yang dipenuhi dengan cinta dan takwa kepada Allah tidak akan dipengaruhi oleh sifat malas. Orang yang tidak peduli dengan perintah dan petunjuknya akan tersesat. Hati Muslimah yang ikhlas sangat suka bertaubat dan meminta ampun dan gembira dalam ketaatan, petunjuk dan keredhaan Allah."

~Halaman 60

Naseehat 15:

"Tanggungjawab wanita Muslimah untuk ahli-ahli keluarganya tidak kurang, di sisi Allah daripada kaum lelaki. Bahkan tanggungjawabnya lebih besar dari tanggungjawab lelaki kerana dia tahu rahsia anak-anak yang lebih banyak menghabiskan masa bersamanya berbanding dengan bapa; mereka akan memberitahunya perkara-perkara yang tidak diberitahu kepada bapa."

~Halaman 60

Naseehat 16:

"Muslimah sejati sentiasa bersyukur kepada Allah jika hidupnya senang, dan dia sentiasa sabar jika diuji. Dia tidak pernah lupa dengan peringatan yang diberikan oleh Nabi SAW ke atas perkara wanita secara umum, kerana baginda mendapati penghuni neraka kebanyakannya adalah wanita. Maka hendaklah Muslimah memohon perlindungan kepada Allah dari termasuk golongan tersebut."

~Halaman 163

Naseehat 17:

"Dari sejak permulaan sejarah, wanita Muslimah sentiasa mengambil bahagian dalam membina masyarakat Islam yang berdasarkan ke atas persaudaraan dalam Iman, dan dia masih melakukan usaha yang sama untuk menyebarkan kasih sayang kerana Allah dalam masyarakat Muslim, memandang rakan dan saudaranya dengan hati yang termurah untuk menguatkan ikatan cinta dan persaudaraan kerana Allah SWT."

~Halaman 258

Naseehat 18:

"Wanita Muslimah yang bertakwa tidak sombong terhadap saudara-saudara perempuannya dan kawan-kawannya, dia tidak pernah bermasam muka dengan mereka, dan tidak pernah menggunakan bahasa kesat kepada mereka. Dia sentiasa berbuat, lemah-lembut dan damai terhadap mereka, melayani mereka dengan baik dan bercakap dengan lembut kepada mereka."

~Halaman 268

Naseehat 19:

"Wanita secara fitrahnya pemalu, dan apa yang saya maksudkan dengan pemalu di sini adalah sama dengan definisi yang diberikan oleh para ulama: sifat malu yang sentiasa menggalakkan seseorang itu agar menjauhi apa yang dilarang dan mengelakkan dari mengabaikan tanggungjawab terhadap orang yang berhak ke atasnya."

~Halaman 296-297

Naseehat 20:

"Muslimah sejati itu pemalu, berbudi pekerti mulia, lemah lembut dan sensitif terhadap perasaan orang lain. Dia tidak pernah mengatakan atau melakukan sesuatu yang boleh menyakiti atau membahayakan orang atau mengaibkan maruah orang lain."

~Halaman 297

Naseehat 21:

"Wanita Muslimah yang telah terdidik dengan sifat kemanusiaan tidak keberatan menunda pembayaran bila dia memberi hutang kepada orang yang sedang dalam kesusahan. Dia berbuat demikian kerana taat kepada Allah dan berharap pahala serta perlindungan-Nya pada hari kiamat kelak."

~Halaman 335

Naseehat 22:

"Wanita Muslimah bersedekah kepada anak-anak yatim semampunya. Jika dia kaya, dia menaja anak yatim, membesarkan, memelihara dan menyekolahkanya dengan mengharapkan kedudukan tinggi yang telah disediakan oleh Allah untuk orang-orang yang memelihara anak yatim, iaitu kedudukan bersama Rasulullah di syurga."

~Halaman 344

Naseehat 23:

"Di antara sifat-sifat wanita Muslimah yang memahami dan mengikuti ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah ialah rendah diri, jujur dan memiliki pendekatan yang realistik. Dia tidak merasa dirinya hebat, bangga diri dan, dan dia tidak mengatakan yang dia mempunyai kelebihan sedangkan sebenarnya tidak semata-mata hendak menunjuk-nunjuk serta bermuka-muka."

~Halaman 360

Naseehat 24:

"Muslimah yang bijak dan matang menyimpan rahsia menunjukkan bahawa keperibadiannya sangat mulia. Menyimpan rahsia adalah kematangan seseorang, kekuatan moral, bijak dan memiliki peribadi yang seimbang. Oleh kerana itu, Muslimah sejati memelihara rahsia yang disuruh oleh Islam agar dipelihara. Inilah sifat keperibadian Terbaik dari Islam, dan sifat yang paling indah pada diri seseorang."

~Halaman 365

Naseehat 25:

"Wanita yang memakai pakaian cantik dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk kepada kawan-kawannya itu berdosa, kerana Allah tidak suka sifat sombong dalam hati hamba-hamba-Nya. Tetapi orang yang berpakaian cantik kerana hendak memperlihatkan kepada Allah dan pertolongan-Nya adalah hamba yang taat yang akan diberi pahala."

~Halaman 381

Naseehat 26:

"Muslimah yang bangga dengan identiti Islam ia tidak meniru lelaki sama sekali kerana dia tahu bahawa wanita yang meniru lelaki atau lelaki menjadi wanita itu dilarang oleh Islam. Hikmah dan hukum Allah telah menetapkan bahawa lelaki mempunyai sifat yang berbeza dari wanita, dan begitulah sebaliknya. Perbezaan tersebut penting bagi kedua-dua jantina kerana setiap mereka mempunyai peranan unik tersendiri yang perlu dimainkan dalam kehidupan ini."

~Halaman 424

Naseehat 27:

"Wanita Muslimah yang menyeru orang lain kepada Allah tidak mensia-siakan usaha menyeru wanita lain pada kebenaran—dan betapa besarnya keperluan dakwah seperti ini di zaman sekarang ini—untuk mendapatkan keredhaan Allah dan menyebarkan kesedaran di kalangan wanita-wanita yang tidak bernasib baik sebelum ini kerana terhalang dari menerima ajaran dan petunjuk ini dan dengan itu membuktikan bahawa dia menyukai untuk saudaranya apa yang disukai untuk dirinya sendiri. Semua ini merupakan sifat wanita yang menyeru orang lain kepada Allah yang membezakan dari wanita-wanita biasa yang lain."

~Halaman 427

Naseehat 28:

"Salah satu sifat terpenting bagi da'iyah yang bijak dan fasih ialah dia berlemah lembut pada wanita yang didakwahnya. Dia bersabar dengan kelembapan atau kelemahan pemahaman sebahagian daripada mereka, kejahilan mereka terhadap perkara-perkara agama, kesalahan mereka yang selalu berulang dan seorang soalan bodoh yang mungkin ditanya kerana mengikuti contoh dari guru terulung yang mengajak manusia ke jalan Allah iaitu Rasulullah yang sangat sabar, baik dan berlapang dada."

~Halaman 432

Naseehat 29:

"Muslimah yang bijak itu tidak lupa bahawa berterima kasih kepada orang yang berbuat baik kepadanya menggalakkan perbuatan kebajikan itu berterusan dan menjadikan orang tadi biasa kepada sikap menghargai kebaikan. Semua ini pasti akan menguatkan lagi ikatan persahabatan di antara ahli-ahli dalam masyarakat tersebut, membuka hati mereka untuk cinta dan kasih sayang serta memotivasi diri mereka untuk melakukan amal kebajikan. Inilah matlamat Islam yang ingin tanamkan dan dibaja dalam masyarakat Islam."

~Halaman 442

Naseehat 30:

"Wanita Muslimah sejati adalah ibu yang penyayang pada anak-anaknya yang pandai menjaga suaminya. Kedua-duanya itu adalah sifat yang paling indah terdapat pada seorang wanita di setiap masa dan tempat. Rasulullah SAW memuji kedua-dua sifat itu yang dimiliki oleh wanita Quraisy yang menjadi wanita terbaik di antara wanita-wanita bangsa arab dalam hal mencintai anak, menjaga suami, menghormati hak-hak mereka dan memelihara harta mereka dengan baik, jujur dan berhikmah."

~Halaman 157

-TAMAT-